

Larang guna plastik, polisterin mulai 1 Januari

Selangor meluaskan kempen 'Hari Tanpa Beg Plastik' dan bebas bekas polisterin dengan melarang penggunaannya secara menyeluruh bermula 1 Januari tahun hadapan.

Susulan itu, pemberian beg plastik dan penggunaan bekas polisterin secara percuma oleh peniaga tidak dibenarkan lagi di negeri ini mulai 2017.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna

negeri, Elizabeth Wong berkata, setiap penggunaan beg plastik akan dikenakan caj minimum 20 sen manakala penggunaan bekas polisterin tidak dibenarkan sama sekali.

"Sebanyak 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini juga turut mengambil tindakan dan menjadikannya sebagai syarat baru dalam pembaharuan lesen perniagaan peniaga Selangor.

"Bagaimanapun, terdapat pengecualian terhadap

beberapa produk yang masih perlu menggunakan beg plastik antaranya, bahan mentah, palet makanan haiwan, ubat-ubatan serta bahan beracun," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Selangor Bebas Beg Plastik dan Polistirena 2017, di sini, semalam.

Elizabeth berkata, maksimum kompaun sebanyak RMI,000 akan dikenakan terhadap peniaga yang melanggar syarat ditetapkan itu.